

# Isu Mahathir tidak rencatkan peluang UMNO Kelantan

um - 12/8/2006

KOTA BHARU 11 Ogos - Isu politik yang tercetus ekoran kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan dan pemimpin akhir-akhir ini tidak akan merencatkan perancangan dan peluang UMNO Kelantan untuk menawan semula negeri ini pada pilihan raya akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa berkata, segala masalah yang timbul berikutan rasa tidak puas hati bekas Perdana Menteri itu atas sebab-sebab tertentu hanya satu ujian kecil yang sentiasa datang dan berlalu dalam politik.

Sehubungan itu, katanya, ia tidak akan mendatangkan sebarang masalah kerana UMNO termasuk juga UMNO Kelantan telah berjaya melalui pelbagai ujian yang lebih besar dan mencabar daripada ujian kali ini.

"Jika ramai menganggap Tun Dr. Mahathir telah membawa 'taufan' kepada UMNO, maka kita perlu jinakkan taufan itu sebagai angin yang akan membantu pelayaran," ujarinya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Pengkalan Chepa yang dirasmikan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique di sini hari ini.

Sementara itu Annuar berkata, untuk pilihan raya akan datang, beliau meletakkan sasaran membawa Barisan Nasional (BN) memenangi salah satu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Parlimen Pengkalan Chepa walaupun menyedari kawasan tersebut adalah kubu tradisi Pas.